



02 AUG, 2024

Kastam rampas 231 kereta mewah

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas 231 kereta mewah

Kenderaan dipercayai tiada permit import babit nilai RM27.45 juta

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Pelabuhan Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II Selangor merampas 231 kenderaan pelbagai jenis dan jenama bernilai RM27.45 juta yang tidak mempunyai permit import dalam dua operasi berasingan di sini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail, berkata serbuan pertama membabitkan penahanan 67 kontena bersaiz 40 kaki di Zon Bebas, Pelabuhan Utara pada 25 Jun lalu.

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut pihaknya berjaya mene-

mui 200 kenderaan pelbagai jenis dipercayai tidak mempunyai permit import.

"Nilai dagangan dianggarkan RM20,600,000, manakala jumlah duti/cukai pula berjumlah RM2,060,000," katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Selangor Pelabuhan Utara, di sini semalam.

Norlela berkata, dalam operasi kedua, pada 27 Jun lalu, pihaknya merampas 17 kontena yang membawa 31 kenderaan dengan anggaran nilai dan duti/cukai berjumlah RM4,792,000.

"Penahanan di lokasi sama yang mana semua kenderaan dipercayai tidak mempunyai permit import.

"Nilai dagangan dianggarkan berjumlah RM1,789,000 dengan jumlah duti/cukai yang terbabit dianggarkan berjumlah RM3,003,000," katanya.

Norlela berkata, antara kenderaan dirampas jenama Mini Cooper, Alfarid dan EV, dipercayai untuk pasaran dalam Malaysia.

Rampas 600 pil kuda

Sementara itu, Norlela memaklumkan kastam JKDM Selangor juga berjaya mengesan dan merampas 600 pil kuda yang disembunyikan di dalam lipatan sehelai seluar jeans di Pusat Mel & Kurier (PMK), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pada 16 Julai lalu.

Katanya, siasatan mendapati bungkusan plastik dari negeri Pantai Timur itu dipercayai untuk diseludup keluar negara.

"Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit II (Selangor) membuat pemeriksaan ke atas seluar jeans dalam bungkusan plastik di hab pengumpulan semua parcel sebelum dihantar ke destinasi dalam dan luar negara.

"Hasil pemeriksaan ke atas bungkusan itu, pasukan mengesan tiga paket berisi pil dipercayai pil kuda/yaba disyaki dadah jenis amphetamine yang disembunyikan dalam lipatan seluar jeans itu.



Norlela menunjukkan rampasan kenderaan dipercayai tidak mempunyai permit import pada sidang media di Ibu Pejabat JKDM, Pelabuhan Utara, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

"Dagangan disita dan dibawa balik ke Pejabat Kastam Pelabuhan Utara untuk siasatan lanjut. Nilai dagangan dianggarkan berjumlah RM9,000 membabitkan kuantiti rampasan 600 pil bersamaan 120 gram," katanya.

Norlela berkata, siasatan mendapati bungkusan itu diikrarkan

sebagai pakaian bagi mengelak dikesan oleh JKDM untuk dihantar ke sebuah negara di Asia.

"Pihak kastam masih menyiasat dari pelbagai sudut, termasuk pihak yang membuat kiriman bungkusan itu. Kes sedang disiasat Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.



02 AUG, 2024

Kastam rampas 231 kereta mewah

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kenderaan dipercayai tiada permit import babit nilai RM27.45 juta

Pelabuhan Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II Selangor merampas 231 kenderaan pelbagai jenis dan jenama bernilai RM27.45 juta yang tidak mempunyai permit import dalam dua operasi berasingan di sini. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail, berkata serbuan pertama membabitkan penahanan 67 kontena bersaiz 40 kaki di Zon Bebas, Pelabuhan Utara pada 25 Jun lalu.